

BAHASA MELAYU BUKAN LAMBANG KEMUNDURAN

Dalam membahaskan isu berkaitan dengan bahasa, sememangnya pandangan beliau ini agak kritis dan tajam, tetapi penuh dengan idea dan cadangan yang membina untuk memartabatkan bahasa Melayu. Ikuti wawancara dengan bekas wartawan di Pertubuhan Berita Nasional Malaysia (BERNAMA), Prof. Dato' Dr. Ahmad Murad Merican, yang juga ahli fakulti di Pusat Penyelidikan Dasar dan Kajian Antarabangsa, Universiti Sains Malaysia dan pernah menjadi Profesor Adjung di Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan (ASWARA) dan Profesor Pelawat di Universitas Andalas, Sumatera Barat.

Bagaimanakah perkembangan bahasa Melayu seiring dengan perkembangan semasa yang begitu rancak pada masa ini menurut pengamatan Dato'?

Berkaitan dengan perkembangan bahasa Melayu di negara ini, bahasa ini sebenarnya berkembang, bukannya terbanjut. Cuma tidak dioptimumkan dan masih ada kelompangan, seperti terdapat warganegara yang tidak tahu berbahasa Melayu. Hal ini dikatakan demikian kerana kita tidak begitu tegas terhadap penggunaan bahasa untuk warganegara.

Langkah pertama yang perlu dilakukan termasuklah menemu bual setiap orang yang ingin mendapatkan kewarganegaraan supaya dapat menggunakan bahasa Melayu dengan baik. Bagi keluarga yang tidak mengamalkan penggunaan bahasa Melayu dengan baik, kita harus memastikan mereka bertutur dengan baik untuk mendapatkan kad pengenalan tersebut. Walaupun syarat ini pelik, inilah prinsip dan undang-undang negara yang perlu dipatuhi.

Dalam kalangan orang Melayu, masih ada yang tidak tahu bertutur bahasa Melayu dengan baik kerana wujud pengaruh luar, terutamanya di kawasan bandar. Dalam hal ini, kita lebih sibuk menyentuh dasar kerajaan, namun kita tidak pernah menyentuh peringkat akar umbi, iaitu pelaksanaan. Inilah antara punca kita gagal membentuk persekitaran yang menggunakan bahasa Melayu. Saya amat percaya bahawa medium merupakan mesej. Persekitaran itu merupakan acuan yang harus dibentuk dengan baik. Persekitaran ini dapat dibahagikan kepada dua, iaitu persekitaran ketara dan tidak ketara.

Persekitaran yang ketara bermaksud alam bina yang terdiri daripada papan tanda jalan dan iklan yang seharusnya dalam bahasa Melayu. Hal ini merupakan tanggungjawab Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). Sepatutnya, bukan sahaja Kelantan yang menggunakan tulisan Jawi, tetapi seluruh negeri mengikuti langkah tersebut yang bertujuan untuk melestarikan penggunaan bahasa. Cadangan saya, di setiap daerah diletakkan sebuah papan tanda yang tertera petikan, pantun sama ada pantun budi ataupun pantun lain. Hal ini dapat mengangkat martabat bahasa Melayu. Selain itu, sepanjang lebuh raya perlu ada papan tanda pantun Melayu, dan tidak hanya menumpukan papan tanda iklan produk atau jualan sahaja.

Inisiatif tersebut merupakan bidang kuasa PBT dan Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) pula memainkan peranan untuk menyumbangkan sarana tersebut. Inisiatif ini tidak melibatkan beban kewangan yang tinggi, tetapi mampu meningkatkan keuntungan jiwa. Persekitaran tidak ketara merujuk usaha untuk mempromosikan bahasa kepada setiap lapisan, namun pelaksanaannya tidak berada pada tahap optimum. Kita jarang-jarang pergi ke sekolah Cina dan Tamil untuk meraikan bahasa Melayu dalam pelbagai bentuk, seperti filem dan aplikasi.

Bagaimanakah kesungguhan kerajaan dalam usaha untuk memartabatkan bahasa? Apabila menyentuh pihak berkuasa, saya tidak melihat kerajaan bersungguh-sungguh untuk memartabatkan bahasa Melayu. Akhir-akhir ini, segelintir menteri lebih cenderung menggunakan bahasa yang bukan ibunda atau lebih dikenali sebagai bahasa rojak. Tambahan pula, menteri-menteri tertentu lebih selesa bertutur dalam bahasa Inggeris apabila diwawancara. Hal ini disebabkan mereka memandang bahasa Inggeris sebagai bahasa ekonomi. Hal ini tidak benar sama sekali kerana pada era kegemilangan Kesultanan Melayu Melaka dahulu, bahasa Melayu digunakan sebagai bahasa pengantara di pelabuhan Melaka yang merupakan pelabuhan terkenal di dunia.



Isu keyakinan berbahasa Melayu berkaitan dengan sikap dan prejudis terhadap bahasa sendiri kerana kita tidak tahu sejarah dan sosiologi bahasa kita.



Sejauh manakah penggunaan bahasa rojak dalam pelbagai media?

Isu bahasa rojak dapat dilihat dalam media elektronik, seperti drama Melayu. DBP yang bertanggungjawab dalam usaha memartabatkan bahasa Melayu, hanya menekankan dasar, sedangkan pelaksanaannya bukan di bawah DBP. Sekiranya kita ingin memartabatkan bahasa Melayu, kerajaan seharusnya tegas, dan sebagai orang Melayu harus mempunyai semangat untuk bertutur dalam bahasa Melayu.

Apakah kaedah yang berkesan dalam usaha membantu penggunaan bahasa Melayu dalam media? Yang pertama, apabila ditemu bual oleh pemberita televisyen dan orang tersebut tidak bertutur dalam bahasa Melayu, seharusnya kita tolak. Malang sekali, beberapa orang atlet negara apabila diwawancara tidak menggunakan bahasa Melayu walaupun untuk siaran berita bahasa Melayu. Hal ini disebabkan editor berita tidak tegas. Seharusnya penggunaan bahasa asing tidak dijadikan sebagai bahan berita sekiranya dia penutur Melayu.

Yang kedua, daripada peringkat menteri hingga ke bawah, pada setiap seminar dan persidangan seharusnya menggunakan bahasa Melayu. Yang ketiga, setiap wakil rakyat ataupun individu yang bertanding dalam pilihan raya seharusnya menduduki ujian kecekapan dalam bahasa Melayu. Hal ini menunjukkan bahawa kita amat serius dalam isu ini.

Sejauh manakah tahap keyakinan pucuk pimpinan dalam berbahasa Melayu? Ada sesetengah pihak, mereka lebih berkeyakinan bertutur dalam bahasa Inggeris. Namun, hal ini bukan alasan dan sewajarnya wujud arahan bahawa setiap menteri harus bertutur dalam bahasa Melayu dalam setiap program. Pada peringkat universiti pula wajar untuk menggunakan bahasa Melayu sebagai medium pengantaraan ketika mengadakan persidangan dan sebagainya.

Isu keyakinan berbahasa Melayu berkaitan dengan sikap dan prejudis terhadap bahasa sendiri kerana kita tidak tahu sejarah dan sosiologi bahasa kita. Orang kita tidak tahu sejarah, latar belakang dan penggunaan bahasa Melayu, jadi mereka tidak tahu susah payah pejuang bahasa mendaulatkan bahasa.

Sejauh manakah pengaruh media sosial terhadap penggunaan bahasa Melayu?

Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) tidak dapat memantau penggunaan bahasa sepenuhnya. Hal ini disebabkan oleh bukan masalah media sosial, tetapi masalah penggunaan media sosial. Namun, antara mekanisme yang dapat dianjurkan adalah dengan menubuhkan Suruhanjaya Bahasa dan bukannya DBP kerana DBP berperanan dalam penggabungan dasar sahaja. Suruhanjaya Bahasa ini bertanggungjawab untuk menerima aduan dan melakukan pelaksanaan keputusan berkaitan dengan bahasa.

Selain memartabatkan bahasa, sejauh manakah penggunaan tulisan Jawi di tempat awam?

Selain Kelantan, kota raya seperti Kuala Lumpur juga wajar menggunakan tulisan Jawi sebagai pendekatan visual pada nama jalan dan papan tanda. Hal ini dapat menarik perhatian masyarakat dan membuka ruang serta peluang bagi mereka untuk lebih mempelajari tulisan tersebut.

Terdapat beberapa pasar raya besar mempunyai inisiatif memartabatkan bahasa Melayu seperti gedung IKEA, apakah pandangan Dato'?

Hal ini disebabkan Sweden melalui pasar raya IKEA berusaha memupuk budaya dan bahasa dalam satu ruang. IKEA memahami bahawa bahasa merupakan sebuah mesej walaupun mengekalkan konsep Sweden dalam pasar raya mereka. Jika IKEA boleh melakukannya, mengapakah pasar raya kita tidak mampu melakukannya? Hal ini merupakan contoh dan bukti bahawa bahasa Melayu bukan lambang kemunduran. **FB**



Prof. Dato' Dr. Ahmad Murad Merican banyak menyumbangkan idea yang bernas dalam setiap syarahannya.